

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

HIT 302 Kesenian dalam Islam

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN(8) soalan dalam TIGA(3) muka surat.

Jawab EMPAT(4) soalan, SATU(1) soalan daripada Bahagian A dan TIGA(3) soalan daripada Bahagian B. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Jawab soalan-soalan Bahagian A dan Bahagian B dalam buku-buku yang berasingan.

BAHAGIAN A - Jawab SATU(1) soalan sahaja

1. Menurut konsepsi Islam, seni mestilah mengandungi akhlAQ supaya sesuai dengan mertabat insan dan tidak merosakkan keselamatan hidup individu dan masyarakat. Huraikan.
2. Kekuatan dorongan naluri dan nafsu syahwat diakui oleh al-Qur'ān seperti mana yang di fahami dari Surah Al-'Imran: ayat 4 yang bererti:

Dihiasi bagi manusia itu kecintaan kepada keinginan-keinginan diri (syahwat).....

Bagaimanapun, menurut Islam, manusia mempunyai potensi-potensi yang lebih besar dan dimensi-dimensi keupayaan yang lebih luas dari dorongan syahwat. Terangkan maksud kenyataan ini dengan jelas dalam konteks pandangan seni dan aestatika Islam.

3. Huraikan pendapat para 'ulama' Islam tentang hukum aktiviti-aktiviti seni yang berikut:
 - (a) suara dan muzik;
 - (b) tarian;
 - (c) arca dan catan.

BAHAGIAN B - Jawab TIGA(3) soalan sahaja. Sila jawab dalam buku yang baru dan jangan dicampurkan dengan jawapan anda dari Bahagian A

4. "Sasterawan Islam yang unggul/yang tradisional dalam pengertian yang tepat memang akan kagum dengan kebesaran Allah dan obses dengan prinsip tawhid serta implikasinya ke atas alam dan manusia. Maka itu seluruh aktiviti hidupnya, termasuk berkarya, yang sementara tetapi amat berharga, akhir-akhirnya pada hakikatnya terkumpul pada ingatan (dhibkr) pada Allah Yang Maha Kekal dan pujian terhadap RasulNya serta nostalgia terhadap alam arkiteidal (al-mithal) yang menyebabkan ianya mencari jalan pulang ke latar asalnya."

Bincangkan dengan kritis kenyataan di atas dengan membawa contoh-contoh karyawan dan karya yang tepat, sama ada dari Alam Melayu atau dari Timur Tengah atau dari al-Qur'an sendiri.

5. Banding dan bezakan dengan kritis teori ekspresi seni yang dimajukan oleh Dr. Lois Lamya' al Faruqi (r.h.) dengan yang dimajukan oleh Profesor Seyyed Hossein Nasr. Teori ekspresi seni yang manakah yang telah lama digunakan di Alam Melayu dan kenapa?
6. Di akhir-akhir ini terdapat sebilangan pelukis Muslim tanah air yang berusaha menghasilkan karya-karya mereka yang bercorak Islam.
- (a) Dengan menggunakan pelukis Haji Sulaiman Haji Esa dan isterinya Hajjah Khatijah Sanusi, bincangkan dengan kritis sejarah pengembaran hidup para pelukis hingga membawa mereka bertemu dengan ekspresi seni yang berlandaskan konsep tawhid.
- (b) Secara spesifik, bincangkan juga media, teknik dan motif yang digunakan oleh mereka dalam menghasil siri tawhid mereka yang bermula dari akhir tahun 70an.

7. Jelaskan dengan memberi contoh-contoh aplikasi serta tujuan yang konkret tiga(3) sahaja dari perkara berikut:

- (a) Mugarnas
- (b) Taman dalaman
- (c) Riwat
- (d) Iwan
- (e) Sgraffito
- (f) Fusayfasa'

8. SAMA ADA

- (a) Dengan menggunakan model hierarki handasah al-sawt, bincangkan secara kritis kedudukan muzik yang ada hari ini di Malaysia.

ATAU

- (b) Dengan menggunakan drama "Al-Ishraq" karangan Azizi Haji Abdullah yang pernah di tayangkan di televisyen Malaysia sebagai contoh, bincangkan keperluan, kedudukan dan nilai drama dari perspektif Islam.